

MAKLUMAN RASMI FENOMENA GERHANA BULAN PENUH DAN PERLAKSANAAN SOLAT SUNAT GERHANA

Dimaklumkan bahawa satu fenomena Gerhana Bulan Penuh akan berlaku pada:

 **Tarikh: 3 Mac 2026 M / 14 Ramadan 1447 H (Selasa)**

Fenomena Gerhana Bulan Penuh ini berlaku apabila bumi berada di antara matahari dan bulan, menyebabkan bayang-bayang bumi melindungi bulan sepenuhnya dan menyebabkan keadaan bulan kelihatan lebih gelap atau kemerahan.

Bagi negeri Perak, waktu kejadian adalah seperti berikut:

-  **4.44 petang – Permulaan fasa Penumbra**
-  **5.50 petang – Permulaan fasa Umbra**
-  **7.04 malam – Permulaan fasa Gerhana Penuh**
-  **7.33 malam – Kemuncak Gerhana**
-  **8.02 malam – Tamat fasa Gerhana Penuh**
-  **9.17 malam – Tamat fasa Umbra**
-  **10.23 malam – Tamat fasa Penumbra**

Namun oleh kerana bulan belum lagi terbit ketika gerhana mula berlaku, kita hanya dapat menyaksikan fenomena gerhana ini bermula kira-kira **jam 7.28 malam**, iaitu ketika bulan mula terbit di ufuk timur. Ketika itu kita bakal menyaksikan fasa bulan sedang berada pada kemuncak gerhana. Bulan ketika itu akan kelihatan merah kehitaman dan perlahan-lahan bertukar warnanya kepada warna yang cerah selepas itu.

Sebagai panduan bagi mereka yang berminat untuk mencerap gerhana pada kali ini, hendaklah merujuk ke ufuk timur. Selepas bulan terbit dalam keadaan sedang gerhana, ia akan semakin meninggi sehinggalah tamat fasa gerhana. Untuk menyaksikan gerhana bulan ini, kita dapat menyaksikannya dengan mata kasar dan tidak memerlukan sebarang peralatan untuk menyaksikan gerhana kali ini.

Maka dengan itu, disarankan kepada seluruh umat Islam mengambil peluang untuk menyaksikan fenomena ini yang merupakan salah satu tanda-tanda kebesaran Allah SWT.


Umat Islam juga disarankan untuk melaksanakan Solat Sunat Gerhana sekitar waktu terbitnya bulan iaitu pada jam 7.28 malam hingga tamat fasa umbra iaitu pada jam 9.17 malam.

Sekian, dimaklumkan.

Disediakan Oleh :
Bahagian Falak,
Jabatan Mufti Negeri Perak.

GERHANA BULAN PENUH

"3 Mac 2026M / 14 Ramadan 1447H"



P1 = 4:44 PETANG

U1 = 5:50 PETANG

U2 = 7:04 MALAM

G = 7:33 MALAM

U3 = 8:02 MALAM

U4 = 9:17 MALAM

P4 = 10:23 MALAM

P1 PERMULAAN PENUMBRA

U1 PERMULAAN UMBRA

U2 PERMULAAN GERHANA PENUH

G KEMUNCAK GERHANA PENUH

U3 PENGAKHIRAN GERHANA PENUH

U4 PENGAKHIRAN UMBRA

P4 PENGAKHIRAN PENUMBRA

*GERHANA BULAN PENUH HANYA DAPAT DILIHAT KETIKA BULAN TERBIT SEKITAR JAM 7.28 MALAM

** PELAKSANAAN SOLAT SUNAT GERHANA BERMULA DARI 7:28 MALAM SEHINGGA 9:17 MALAM

***DATA INI DIRUJUK DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI KIRAAN ECLIPSE 2.0 DAN MENGGUNAKAN LOKASI TEMPATAN (BAITUL HILAL, SEGARI, PERAK)